



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

7,758 TONG SISA MUDAH ALIH KHAS DIEDARKAN SECARA PERCUMA KEPADA PENDUDUK KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 22 Oktober 2016 – Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara, Penggunaan Tong Kitar Semula dan Program Joran Bersama Komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj), Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan, Alam Flora Sdn. Bhd. & Berita Harian (BH). Tiga program digabungkan pada hari ini dilaksanakan secara *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

2. Program 'dua tong', yang merupakan inisiatif proaktif PPj dan Alam Flora wajar diberi pujian dan dijadikan contoh di pihak berkuasa tempatan lain yang komited untuk melestarikan alam sekitar dengan cara mendidik masyarakat untuk menggunakan bekas sisa mengikut fungsi yang telah ditetapkan iaitu tong sisa dapur (berwarna hijau) dan tong sisa kitar semula (berwarna oren). Tong sisa mudah alih ini diharap dapat menggalakkan lagi pengasingan sisa di punca dan kitar semula di mana pada peringkat awal pelaksanaan pengasingan sisa di punca di Putrajaya berat purata kutipan sisa kitar semula telah meningkat ke 7 tan sebulan berbanding purata 4 tan sebulan sahaja pada peringkat awal.

3. Ini selaras dengan tema Hari Alam Sekitar iaitu “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama” bagi memastikan persekitaran di kawasan kediaman di Putrajaya lebih kemas dan teratur.

4. KWP turut bekerjasama dengan BH pada hari ini dengan menganjurkan bengkel memancing yang memberi pendidikan kepada komuniti Putrajaya dan juga merupakan satu program rekreasi kepada penggemar akan aktiviti memancing. Kerjasama ini juga merupakan *value for money* kepada KWP melalui kerjasama strategik dengan pihak media.

5. Diharapkan agar kerjasama dalam penganjuran program-program sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi menjamin kebaikan dan kesejahteraan bersama. Semoga usaha gigih dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua pihak dapat ditingkatkan untuk memastikan warga Wilayah Persekutuan hidup dalam keadaan ceria dan harmoni.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Putrajaya

22 Oktober 2016